

UNTUK SIARAN SEGERA

CMCF Gesa Pengguna Lebih Berhati-Hati Kongsi Klip Kandungan 18+ Di Media Sosial

Perkongsian semula boleh mengubah konteks dan meluaskan capaian kandungan yang ditetapkan untuk penonton berusia 18 tahun ke atas kepada khalayak umum, termasuk kanak-kanak.

Cyberjaya, 3 September 2026 – Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) menggesa pengguna media sosial supaya lebih berhati-hati apabila berkongsi semula babak atau klip daripada program yang dikhususkan untuk penonton berusia 18 tahun ke atas, khususnya apabila kandungan tersebut boleh tersebar kepada kanak-kanak dan khalayak umum yang bukan sasaran asal program berkenaan.

Menurut CMCF, perbincangan awam kebelakangan ini mengenai kandungan penstriman turut mengetengahkan satu isu yang semakin penting: sesuatu babak yang asalnya disiarkan dalam program dengan klasifikasi umur, maklumat kandungan dan perlindungan pengguna tertentu boleh berubah sama sekali dari segi konteks dan jangkauan apabila dipotong, disunting dan disebar secara meluas di media sosial.

“Apabila babak daripada kandungan yang ditujukan untuk penonton berusia 18 tahun ke atas dikongsi di media sosial, ia boleh kehilangan konteks, klasifikasi dan amaran asal, lalu tersebar kepada khalayak yang lebih luas termasuk kanak-kanak,” kata Ketua Pegawai Eksekutif CMCF, Mediha Mahmood.

CMCF menegaskan bahawa jika sesuatu kandungan dianggap tidak sesuai, kebimbangan tersebut wajar dibangkitkan melalui saluran yang betul supaya dapat diteliti dan ditangani sewajarnya. Pada masa yang sama, pengguna juga perlu mempertimbangkan sama ada tindakan berkongsi semula kandungan tersebut boleh menyebabkan ia tersebar lebih luas kepada khalayak yang sebenarnya ingin dilindungi.

“Jika kita merasakan sesuatu kandungan tidak sesuai untuk tontonan umum, kita juga perlu berhati-hati agar perkongsian kita sendiri tidak meluaskan lagi capaiannya. Aduan boleh dibangkitkan tanpa perlu menyebarkan lagi kandungan tersebut,” kata Mediha.

Pengguna boleh membuat laporan melalui saluran yang disediakan oleh platform, mengemukakan aduan kepada penyedia perkhidmatan, membuat aduan kepada CMCF atau merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

CMCF turut menekankan bahawa perlindungan penonton merupakan tanggungjawab bersama.

Menerusi [Nota Amalan Terbaik bagi Kandungan dalam Perkhidmatan Kandungan Pilihan Dalam Talian](#), yang dibangunkan secara kolaboratif bersama pemain industri tempatan dan antarabangsa, penyedia perkhidmatan digalakkan menyediakan maklumat program yang jelas, klasifikasi umur, nasihat pengguna dan amaran kandungan. Perkhidmatan juga seharusnya mengutamakan pendekatan **keselamatan melalui reka bentuk**, termasuk penggunaan PIN, profil mengikut kesesuaian umur dan sekatan tontonan.

Garis Panduan tersebut turut menegaskan bahawa penyedia perkhidmatan yang beroperasi di Malaysia perlu mengambil kira keperluan undang-undang, kawal selia dan budaya tempatan, termasuk sifat masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

“Penarafan umur dan kawalan akses merupakan perlindungan tambahan kepada pengguna dan tidak menggantikan keperluan untuk mematuhi undang-undang, garis panduan serta keperluan tempatan yang terpakai,” tambah Mediha.

Bagi kandungan yang ditujukan kepada penonton matang, klasifikasi yang jelas, nasihat kandungan dan kawalan ibu bapa yang mudah digunakan dapat membantu penonton dewasa membuat pilihan berdasarkan maklumat yang mencukupi, di samping membantu ibu bapa dan penjaga mengurus akses kanak-kanak kepada kandungan yang tidak sesuai dengan usia mereka.

Pengguna pula perlu mengambil perhatian terhadap klasifikasi yang diberikan dan menggunakan ciri keselamatan yang tersedia.

“Perlindungan penonton hanya berkesan apabila semua pihak memainkan peranan. Platform perlu menyediakan maklumat dan kawalan yang jelas, ibu bapa serta pengguna perlu menggunakannya, dan kita semua perlu lebih berhati-hati agar kandungan yang ditujukan kepada penonton 18 tahun ke atas tidak diperluaskan kepada khalayak umum melalui media sosial,” kata Mediha.

CMCF akan terus bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan, penerbit kandungan, pihak berkuasa dan pemegang taruh lain bagi menggalakkan amalan kandungan yang bertanggungjawab serta memperkukuh perlindungan penonton dalam landskap media digital Malaysia yang terus berkembang.

- TAMAT -

FOR IMMEDIATE RELEASE

CMCF Urges Users to Exercise Greater Caution When Sharing Clips Of 18+ Content on Social Media

Re-sharing can strip content intended for audiences aged 18 and above of its original context and expose it to a wider audience, including children.

Cyberjaya, 3 September 2026 – The Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (CMCF) has urged social media users to exercise greater care when sharing scenes extracted from programmes intended for audiences aged 18 and above, particularly where those clips may reach children and other viewers outside the programme's intended audience.

CMCF said recent public discussions surrounding streaming content have highlighted an increasingly important issue: a scene originally shown within an age-rated programme, accompanied by classification information and consumer safeguards, can take on a very different reach once it is clipped, edited and circulated widely on social media.

“When a scene from content intended for audiences aged 18 and above is shared on social media, it can lose its original context, rating and content warnings, and reach a much wider audience, including children,” said **CMCF Chief Executive Officer Mediha Mahmood**.

CMCF stressed that if any content is considered inappropriate, concerns should be raised through the proper channels so they can be reviewed and addressed appropriately. Users should also consider whether reposting the material may inadvertently amplify the very content they believe should not be exposed to general audiences.

“If we believe certain content is unsuitable for general audiences, we should also be careful not to make it more accessible through our own sharing. Concerns can be raised without further amplifying the content,” Mediha said.

Users can report the content through the relevant platform mechanisms, raise the matter directly with the service provider, lodge a complaint with CMCF, or refer it to the appropriate authorities.

CMCF stressed that responsibility for audience protection is shared across the ecosystem.

Under CMCF's [Best Practice Note for Content on Online Curated Content Services](#), developed collaboratively with local and international industry players, streaming services should provide clear programme information, classification ratings, consumer advice and content warnings. Services should also incorporate **safety-by-design** measures such as PIN protection, age-appropriate profiles and viewing restrictions.

The Guidelines also recognise that OCC services operating in Malaysia should take into account applicable Malaysian legal, regulatory and cultural requirements, including the country's multiracial and multireligious context.



“Age ratings and access controls provide additional safeguards for users and do not replace the need to comply with applicable laws, guidelines and local requirements,” added Mediha.

For content intended only for mature audiences, clear ratings, advisories and accessible parental controls allow adult viewers to make informed choices while helping parents and guardians manage what children can access.

Consumers, in turn, should pay attention to those ratings and make use of the available safety features.

“Effective content safeguards depend on everyone playing their part. Platforms should provide clear information and workable controls, parents and users should use them, and all of us should think carefully before taking content intended for audiences aged 18 and above and giving it a much wider audience online,” Mediha said.

CMCF will continue engaging service providers, content producers, regulators and other stakeholders to promote responsible content practices and stronger audience safeguards in Malaysia’s evolving digital media environment.

- END -

MENGENAI CMCF

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), juga dikenali sebagai Content Forum, ialah sebuah forum dipacu industri yang ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta didaftarkan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). CMCF diberi mandat untuk menyelia dan menggalakkan kawalselia sendiri terhadap kandungan yang disebarkan melalui rangkaian elektronik di Malaysia.

CMCF menghimpunkan pelbagai pihak merentasi ekosistem kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, agensi pengiklanan, pencipta dan pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet, penyedia perkhidmatan pengehosan audioteks, penyedia perkhidmatan teknologi, media dan digital, serta kumpulan masyarakat sivil. Komposisi pelbagai pihak berkepentingan ini memastikan standard kandungan dibangunkan dengan kefahaman praktikal industri, di samping mengambil kira kepentingan awam.

Sebagai badan kawalselia sendiri industri yang diiktiraf bagi kandungan elektronik di Malaysia, CMCF bertanggungjawab terhadap pembangunan, pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kod Kandungan ini pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004 dan telah disemak kali terakhir pada tahun 2022. Ia menetapkan standard tadbir urus serta amalan terbaik bagi penyebaran kandungan, sekali gus menyediakan rangka kerja yang menyokong kreativiti, inovasi dan pertumbuhan mampan industri.

CMCF juga menempatkan sebuah Biro Aduan yang menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam berkaitan kandungan yang disebarkan melalui rangkaian elektronik. Biro ini diberi kuasa untuk menyiasat dakwaan pelanggaran Kod Kandungan, memudahcara pengantaraan, mengadili kes, mengeluarkan perintah yang diterbitkan, serta mengenakan tindakan yang bersesuaian apabila perlu. Selain itu, Biro Aduan turut menyediakan khidmat nasihat berkaitan perkara kandungan elektronik.

Melalui pendekatan kawalselia sendiri, CMCF berhasrat untuk melengkapi rangka kerja perundangan sedia ada dengan mempromosikan amalan kandungan yang bertanggungjawab, memperkukuh perlindungan pengguna, serta memupuk ekosistem kandungan yang adil dan dipercayai.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mawar Abdul Latiff, Senior Manager
mawar@contentforum.my / +6018 262 4822

Afiq Zulhilmi Baharudin
afiq@contentforum.my / +6010 218 8676